

**D.R. 6/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Laporan Kewangan 1997 [*Akta 558*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “piawaiian perakaunan diluluskan”—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “perenggan 7(1)(a)” dengan perkataan “perenggan 7(1A)(a)”; dan

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “perenggan 7(1)(b)” dengan perkataan “perenggan 7(1A)(b)”;
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “Lembaga” takrif yang berikut:
  - ‘ “Lembaga Pemantauan Audit” ertinya Lembaga Pemantauan Audit yang ditubuhkan di bawah seksyen 31c Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*];’; dan
- (c) dalam takrif “buletin isu”, dengan menggantikan perkataan “subseksyen 7(1)” dengan perkataan “subseksyen 7(1A)”.

#### **Penggantian seksyen 4**

**3.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

##### **“Fungsi Yayasan**

**4.** (1) Fungsi Yayasan adalah—

- (a) untuk menyelia penjalanan fungsi oleh Lembaga di bawah seksyen 7; dan
- (b) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tanpa mengehadkan keluasan fungsi Yayasan dalam subseksyen (1), Yayasan hendaklah bertanggungjawab—

- (a) memberikan pandangannya kepada Lembaga tentang apa-apa perkara yang hendak diusahakan atau dilaksanakan oleh Lembaga berhubung dengan fungsi Lembaga di bawah seksyen 7;
- (b) mengkaji semula prestasi Lembaga; dan
- (c) bagi segala perkiraan pembiayaan bagi operasi Lembaga, termasuk meluluskan belanjawan Lembaga.

(3) Yayasan tidak boleh, menurut atau berkaitan dengan mana-mana kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), mengarahkan Lembaga supaya mengusahakan atau tidak mengusahakan mana-mana projek atau kegiatan tertentu atau selainnya menyentuh perjalanan kuasa Lembaga atau pelaksanaan fungsi Lembaga di bawah Akta ini.”.

## **Pindaan seksyen 5**

### **4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(c) perenggan yang berikut:

“(ca) Pengerusi Lembaga Pemantauan Audit atau wakilnya;”;

(b) dalam perenggan (1)(e), dengan menggantikan perkataan “Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad”; dan

(c) dengan menggantikan perenggan (1)(h) dengan perenggan yang berikut:

“(h) empat orang anggota lain yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam perkara perakaunan kewangan dan dalam satu atau lebih daripada bidang yang berikut:

- (i) perakaunan;
- (ii) undang-undang;
- (iii) perniagaan; atau
- (iv) kewangan.”.

## **Pindaan seksyen 6**

**5. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Sembilan” dengan perkataan “Enam”.**

**Pindaan seksyen 7****6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Maka ditubuhkan suatu badan dengan nama “Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia” sebagai badan penggubal piawaian Yayasan yang fungsinya ialah penentuan dan pengeluaran piawaian perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan, yang dikehendaki untuk disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tanpa mengehendkan keluasan fungsi Lembaga dalam subseksyen (1), Lembaga hendaklah bertanggungjawab—

- (a) mengeluarkan piawaian perakaunan baru sebagai piawaian perakaunan diluluskan;
- (b) mengkaji semula, menyemak, atau menerima pakai sebagai piawaian perakaunan diluluskan, piawaian perakaunan yang sedia ada;
- (c) meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa piawaian perakaunan diluluskan keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (d) mengeluarkan, meluluskan, mengkaji semula, menyemak, meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa buletin isu keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (e) mengeluarkan, meluluskan, mengkaji semula, menyemak, meminda, menggantikan, menggantung, menunda, menarik balik atau membatalkan apa-apa pernyataan tentang prinsip, apa-apa keluaran teknikal dan keluaran lain

dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan laporan kewangan walau dikenali dengan apa nama jua pun keseluruhannya atau sebahagiannya;

- (f) menaja atau mengusahakan pembangunan piawaian perakaunan yang berkemungkinan;
  - (g) bekerjasama dengan penggubal piawaian perakaunan kebangsaan dan antarabangsa lain dan mengawasi pembangunan piawaian perakaunan kebangsaan dan antarabangsa lain;
  - (h) menyertai dalam dan menyumbang kepada pembangunan suatu set tunggal piawaian perakaunan bagi kegunaan antarabangsa;
  - (i) mengendalikan apa-apa perundingan awam yang perlu untuk menentukan kandungan konsep, prinsip dan piawaian perakaunan;
  - (j) membangunkan suatu rangka kerja konsep bagi maksud menilai piawaian perakaunan yang dicadangkan;
  - (k) membuat apa-apa perubahan kepada bentuk dan kandungan piawaian perakaunan yang dicadangkan sebagaimana yang dianggapnya perlu;
  - (l) mengawasi pengendalian piawaian perakaunan diluluskan untuk menilai keberterusan kaitannya dan keberkesanannya; dan
  - (m) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Akta ini atau apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Lembaga hendaklah, berhubungan dengan fungsinya di bawah perenggan (1A)(a), (b), (c), (d), (e), (j) atau (k), meminta pandangan Yayasan.”; dan

- (d) dalam subsekyen (3), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (1A)”.

### **Pindaan seksyen 26D**

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 26D dengan seksyen yang berikut:

#### **“Pematuhan piawaian perakaunan diluluskan**

**26D.** (1) Jika penyata kewangan dikehendaki supaya disediakan atau diserahkan di bawah mana-mana undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara atau Pendaftar Syarikat, penyata kewangan itu hendaklah disifatkan tidak mematuhi kehendak undang-undang itu melainkan penyata kewangan itu telah disediakan dan dikendalikan mengikut piawaian perakaunan diluluskan tertakluk kepada apa-apa spesifikasi, garis panduan atau peraturan-peraturan yang boleh dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Bank Negara berkenaan dengan penyata kewangan itu menurut apa-apa undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Sekuriti atau Bank Negara.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi pihak berkuasa yang berikut:

- (a) Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan perbadanan yang disenaraikan dalam bursa saham atau mana-mana entiti yang diselia oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah undang-undang sekuriti;
- (b) Bank Negara berkenaan dengan mana-mana entiti yang diselia oleh Bank Negara; atau
- (c) Pendaftar Syarikat berkenaan dengan semua entiti lain yang tidak termasuk di bawah perenggan (a) atau (b).”.

### **Seksyen baru 30**

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

#### **“Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang**

**30.** (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibuat atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

- (a) mana-mana anggota Yayasan atau Lembaga;
- (b) mana-mana pegawai atau pekerja Yayasan; dan
- (c) mana-mana orang yang dilantik menurut Akta ini,

bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggal daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan, atau penurutan atau pelaksanaan yang dimaksudkan terhadap, Akta ini, apa-apa piawaian perakaunan diluluskan, buletin isu, tafsiran, panduan atau keluaran atau benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Dalam seksyen ini, ungkapan “pegawai” termasuklah mana-mana ketua pegawai eksekutif atau pegawai lain yang dilantik oleh Yayasan di bawah Akta ini.”.

### **Kecualian**

9. Kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan atau peraturan-peraturan, dalam subseksyen 26D(1), hanya boleh dijalankan berkenaan dengan suatu entiti yang tidak dikehendaki untuk mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang khusus, sebagaimana yang terkandung dalam piawaian perakaunan diluluskan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan terhadap kepada piawaian perakaunan diluluskan yang khusus yang tidak dikehendaki untuk dipatuhi oleh entiti itu.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang (“Akta yang dicadangkan”) ini bertujuan untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997 (“Akta 558”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 558 dengan meminda rujukan silang dalam takrif “piawaian perakaunan diluluskan” dan “buletin isu”. Ia juga bertujuan untuk memasukkan takrif baru “Lembaga Pemantauan Audit”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 558 bagi memasukkan peranan Yayasan Laporan Kewangan dalam menyelia penjalanan fungsi oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Ia juga bertujuan untuk memasukkan fungsi am Yayasan Laporan Kewangan sebagai tambahan kepada fungsi khusus sebagaimana yang diperuntukkan pada masa ini.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 558 untuk menyelaraskan keanggotaan Yayasan Laporan Kewangan supaya lebih menyeluruh dan mencerminkan pembangunan sistem laporan kewangan di Malaysia. Dengan kemasukan perenggan (1)(ca), dicadangkan supaya Lembaga Pemantauan Audit yang ditubuhkan pada April 2010 menjadi sebahagian daripada *ex officio* Yayasan Laporan Kewangan. Seterusnya, akibat daripada demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur pada 2004, pindaan dibuat bagi menggantikan Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad. Dicapangkan juga selain daripada anggota *ex officio*, komposisi keanggotaan hendaklah bersifat umum, serupa dengan keanggotaan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia di bawah seksyen 8. Juga, dicadangkan saiz keanggotaan Yayasan Laporan Kewangan dikurangkan kepada dua belas dan bukannya sembilan belas bagi penjalanan cepak Yayasan Laporan Kewangan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 558 berikutan daripada pengurangan keanggotaan Yayasan Laporan Kewangan, kuorum bagi keperluan mesyuaratnya hendaklah dipinda sewajarnya.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 558 dalam mengenal pasti keperluan untuk menetapkan hubungan antara Yayasan Laporan Kewangan dengan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dalam Akta 558. Ia juga bertujuan untuk menetapkan matlamat Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia diikuti dengan fungsi utamanya sebagai tambahan kepada fungsi khususnya sebagaimana yang diperuntukkan pada masa ini. Adalah penting bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk bekerjasama dengan penggubal piawaian kebangsaan dan antarabangsa lain memandangkan pendirian Malaysia untuk menjurus ke arah Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa pada 2012.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 26D Akta 558 bagi membenarkan pengawal selia iaitu Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia untuk mengubah suai piawaian perakaunan demi kepentingan kestabilan kewangan atau pengurusan risiko sistemik dalam pasaran modal.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen 30 kepada Akta 558 untuk memperuntukkan perlindungan kepada mana-mana anggota Yayasan Laporan Kewangan atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, mana-mana pegawai atau pekerja Yayasan Laporan Kewangan dan mana-mana orang yang dilantik menurut Akta ini terhadap mana-mana prosiding undang-undang bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat dengan suci hati dan yang berhubungan dengan pelaksanaan mana-mana peruntukan Akta ini.

10. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi peruntukan kecualian kepada kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengeluarkan apa-apa garis panduan atau peraturan-peraturan di bawah subseksyen 26D(1) yang hanya boleh dijalankan berkenaan dengan suatu entiti yang tidak dikehendaki untuk mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang khusus sebagaimana yang terkandung dalam piawaian perakaunan yang diluluskan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

11. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah kecil atau berbangkit jenisnya.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2829]